

Sikap AS dikecam

SUVA (Fiji), Khamis — Malaysia hari ini mengecam sikap tidak sensitif dan acuh tak acuh Amerika Syarikat tentang pelbagai masalah ekonomi dan keselamatan negara-negara rantau Asia Pasifik.

Difahamkan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, memberitahu rakan-rakan sejawatnya dari negara-negara Komanwel rantau Asia Pasifik bahawa sikap Amerika itu sangat merunsingkan, kerana ia

merupakan ancaman kepada keselamatan serantau.

Sumber-sumber persidangan berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir menyuarakan pandangan ini dalam perbincangan tertutup mengenai hal-ehwal politik antarabangsa pagi ini.

Beliau dikatakan telah menarik perhatian sidang itu tentang keengganan Amerika mengesahkan secepat mungkin Konvensyen Antarabangsa mengenai Undang-Undang Laut yang telah dirundingkan

selama kira-kira 10 tahun.

Sekiranya Konvensyen itu disahkan dan menjadi perjanjian antarabangsa, bolehlah negara-negara kecil di Lautan Pasifik meneroka dan mendapat hasil dari kekayaan dasar laut sekitar perairan mereka.

Tetapi Amerika enggan mengesahkan Konvensyen itu dengan segera, dan ini seolah-olah mereka mahu membolot sebarang hasil perikanan dan bahan galian yang ada kerana mereka mempunyai teknologi

maju untuk mendapatkannya sekarang juga.

Sumber-sumber itu menambah bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir merasa bimbang kemungkinan keadaan tidak puas hati di kalangan negara-negara kecil ini boleh dieksploit oleh kuasa komunis.

Sumber-sumber yang mendengar ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir itu berpendapat sekiranya Amerika tidak peduli terhadap harapan

dan aspirasi negara-negara kecil untuk maju, negara-negara itu mungkin tergerak untuk bernaung dengan kuasa besar yang lain.

Ini sudah tentu akan membahayakan keselamatan serantau, sekiranya sebuah negara kecil ini menjemput Russia pula untuk membuat pangkalan di Lautan Pasifik, perebutan pengaruh kuasa besar akan berlaku dengan pesatnya di rantau ini.

Dari RAHMAN ADNAN

Pada waktu ini, rantau Asia Barat sudahpun menjadi kancah perang yang tidak kunjung berakhir.

Sikap Amerika mengenai soal perlindungan perdagangan juga boleh menguatkan perasaan tidak puas hati terhadap negara itu di kalangan negara-negara membangun, kata sumber-sumber itu memetik ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir.

Pemerhati-pemerhati pula berkata bahawa pada ketika ini negara-negara Komanwel tetap berpegang teguh kepada dasar politik demokrasi

dan ekonomi bebas, jadi tidak ada bahaya mereka akan berpihak kepada komunis dengan melulu.

Bagaimanapun, apa yang ditimbulkan oleh Perdana Menteri Malaysia itu sangat munasabah, kerana tiada siapa yang sanggup diperkecil dan dipermainkan selama semalamnya.

Amerika hendaklah mengambil berat terhadap imejnya yang semakin jelik di kalangan negara-negara membangun yang selama ini menaruh harapan kepadanya.



□ DATUK SERI DR. MAHATHIR